

## SIASATAN ADUAN DAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

8 Oktober 2021, MELAKA - Unit aduan Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan siasatan aduan pembakaran terbuka di Duyung, Melaka pada hari ini.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat kesan pembakaran terbuka di lokasi berkenaan. Sehubungan dengan itu, amaran lisan dan pemasangan banner larangan pembakaran terbuka dilakukan semasa siasatan.

Jabatan ini ingin menegaskan bahawa jika didapati bersalah melakukan aktiviti pembakaran terbuka, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan kompaun maksimum sebanyak RM 2,000.

Aduan orang awam berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama